

18 JULAI 2018

Janda antara 8 penagih ditahan

Janda antara 8 penagih ditahan

Baling: Janda anak satu antara penagih yang ditahan dalam operasi yang dilaksanakan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Baling, di sini, malam kelmarin.

Dalam operasi bermula jam 9.30 malam itu, lapan individu berusia antara 18 dan 30 tahun ditahan selepas ujian air kencing ke atas mereka didapati positif.

Ketua Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Baling, Mohamad Nasir Mohd Radzi berkata, operasi itu dilancarkan pihaknya di sekitar Kuala Ketil, Ketemba dan Kupang.

Beliau berkata, janda itu ditahan bersama tiga lagi penagih berusia antara 18 sehingga 28 tahun yang menjadikan sebuah rumah di sini, sebagai sarang me-



JANDA yang ditahan AADK bersama anaknya.

nagih dadah.

“Mereka dipercayai terbabit dengan kegiatan itu sejak tiga tahun lalu dan mengganggu ketenteraman penduduk.

“Selain itu, kawasan ladang sawit berdekatan juga dijadikan sarang penagih melepaskan gian mereka,” katanya ketika ditemui.

Mohamad Nasir berkata,

semua mereka dibawa ke Pejabat AADK Baling dan keputusan ujian air kencing mereka didapati positif morfin dan methamphetamine.

Katanya, semua disiasat mengikut Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 dan dibawa ke Pusat Tahanan Reman Pulau Pinang.